

AKTIVITI PENDAKIAN BUKIT BROGA BERSAMA PANGLIMA OPERASI UDARA

airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/4565-aktiviti-pendakian-bukit-broga-bersama-panglima-operasi-udara



SEMENYIH, 22 Feb 19 – Markas Pemerintahan Operasi Udara (MPOU A1) telah menganjurkan aktiviti pendakian di Bukit Broga yang melibatkan pegawai-pegawai yang bertugas di MPOU. Aktiviti tersebut turut disertai oleh Panglima Operasi Udara, Lt Jen Dato' Sri Hj Abdul Mutalib bin Datuk Hj Ab Wahab TUDM selaku pencetus idea bagi mengadakan aktiviti tersebut dalam memastikan tahap kecergasan pegawai-pegawai di MPOU sentiasa berada tahap terbaik.





Aktiviti pendakian yang bermula seawal jam 6.00 pagi itu dimulakan dengan solat subuh secara berjemaah yang diimamkan oleh Ustaz dari KAGAT MTU di Surau Bukit Broga sebelum meneruskan pendakian tepat jam 6.30 pagi.

Aktiviti ini turut mendapat kerjasama dari Jurulatih Jasmani MTU serta anggota perubatan dari Institut Perubatan Penerbangan (IPP) dan RSAT Rejimen TUDM dalam memastikan program berjalan dengan lancar tanpa sebarang insiden tidak diingini berlaku.

Pendakian Bukit Broga atau juga dikenali Bukit Lalang mempunyai ketinggian 400 meter dari paras laut berjaya diharungi bersama setelah mengambil masa lebih kurang 40 minit (berjalan) dari *check point* permulaan hingga ke puncak dan turun lebih kurang 35 minit (berjalan).

Aktiviti seumpama ini harus diteruskan kerana selain dapat menyihatkan tubuh badan ianya juga dapat merapatkan hubungan silaturrahim sesama warga MPOU khususnya.



